

## PENGENALAN

Unit Psikologi dan Kerjaya (UPK) merupakan antara tanggung terpenting dalam pengurusan pelajar Politeknik Jeli. Unit ini menawarkan khidmat mesra dan profesional di dalam membantu warga Politeknik Jeli sama ada pelajar dan staf dalam mencapai kecemerlangan diri, sahsiah dan kerjaya di samping meningkatkan kefungasian individu terhadap komuniti Politeknik Jeli khususnya serta komuniti masyarakat umumnya. Selain itu, unit ini bersedia membantu para pelajar di dalam pelbagai aspek merangkumi penyesuaian diri di kampus, pengurusan diri dan akademik hinggalah kepada kecelaruan-kecelaruan psikologi yang dihadapi.

## FALSAFAH

Setiap individu mempunyai potensi yang boleh digembelingkan secara optimum menerusi pengurusan menyeluruh perkhidmatan Unit Psikologi dan Kerjaya (UPK) yang cekap, berkesan dan beramanah berteraskan sumber dalaman dan luaran bagi melahirkan pelajar dan staf yang seimbang dari segi intelektual, jasmani, emosi dan rohani.

## MISI

Menjadi sebuah Unit yang mampu melengkapkan graduan dengan ilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak, berkemahiran serta berupaya melahirkan modal insan yang berkualiti secara fizikal dan spiritual

## **VISI**

Menyediakan perkhidmatan yang terbaik berkaitan dengan pembinaan kognitif dan tingkah laku, mengukuhkan peluang kerjaya serta bertanggungjawab kepada penerimaan pengaruh persekitaran sosial.

## **OBJEKTIF**

### **1) PERUBAHAN KOGNITIF DAN TINGKAH LAKU**

Memastikan graduan minda kelas pertama yang mampu mengukuhkan pemikiran selari dengan tingkah laku secara positif, kreatif dan kritis.

### **2) PENGUKUHAN KERJAYA DAN MEMBUDAYAKAN PEMBELAJARAN**

Memastikan graduan menggunakan ilmu pengetahuan secara proaktif, kreatif, inovatif dan berkemahiran teknikal dalam meningkatkan kualiti hidup dan menyumbang kepada kesejahteraan sejagat.

### **3) BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PENERIMAAN PENGARUH SOSIAL**

Berusaha untuk bertanggungjawab membangunkan dan mengukuhkan perpaduan, jati diri, keadilan sosial, menghormati kepelbagaian dan kesejahteraan diri, masyarakat serta Negara.

### PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

Unit Psikologi dan Kerjaya menawarkan pelbagai perkhidmatan kepada warga PNS antaranya seperti :

- a) Kaunseling Individu
- b) Kaunseling Kelompok
- c) Program dan rundingan Kerjaya
- d) Program dan rundingan Akademik
- e) Khidmat Pembimbing Rakan Sebaya (PRS)
- f) Inventori Psikologi

Antara jenis ujian/inventori yang disediakan oleh UPK:

1. Ujian Personaliti Warna (IPW)
2. Ujian Minat Kerjaya (SDS)
3. Ujian Personaliti Sidek
4. Inventori Gaya Bercinta (IGB)
5. Senarai Semak Masalah Mooney (MPCL)
6. Inventori Gaya Pembelajaran Paragon
7. Ujian Personaliti : Kehampaan
8. Ujian Personaliti : Popular
9. Ujian Personaliti : Tanggungjawab

### **JENIS PERMASALAHAN/ISU UNTUK SESI BIMBINGAN & KAUNSELING**

1. Kerjaya
2. Keluarga
3. Cinta
4. Akademik
5. Pengurusan dan motivasi diri
6. Pengurusan Masa
7. Lain-lain isu yang berkaitan